

Kerajaan tak rampas hak sesiapa — PM

KOTA KINABALU 20 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak pernah berniat untuk merampas hak sesiapa bagi diberikan kepada kaum dan golongan lain yang memerlukan.

Perdana Menteri menegaskan, itu bukanlah amalan dan gaya pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN), malah jika dilaksanakan akan hanya menggugat kestabilan dan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap merasmikan kongres pertama, Parti Demokratik Sabah (PDS) di dewan masyarakat Tun Fuad

Stephens dekat Penampang, hari ini.

Menurut beliau, dengan cara merampas hak orang lain tidak akan dapat membantu memajukan negara, sebaliknya, mereka yang kaya ini perlu diberikan peluang untuk membuat kekayaan.

Katanya, melalui cara ini, kerajaan dapat mengambil sedikit kekayaan daripada mereka, misalnya melalui cukai-cukai kerajaan untuk diagihkan kepada kawasan yang mundur dan kurang membangun.

“Kita tidak hendak merampas dari sesiapa (kaum lain) untuk diberi kepada yang tidak mendapat. Kadang-kadang di

negara lain, mereka sering merampas harta orang kaya untuk diberi kepada yang miskin kononnya.

“Akibat daripada perbuatan itu, negara menjadi miskin. Ini akibat merampas harta orang kaya, mereka tidak dapat membuat harta dan kekayaan lagi.

“Jadi adalah lebih baik, kita memberi peluang kepada mereka mencari kekayaan, supaya sedikit daripada kekayaan itu dapat kita ambil melalui cara yang halal, umpamanya melalui cukai-cukai kerajaan.

“Daripada cukai inilah dapat kita belanja di kawasan-kawasan yang

tidak bernasib baik yang penduduknya daripada golongan yang miskin,” jelas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, konsep yang diamalkan oleh BN itu menyebabkan negara ini stabil dengan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

Katanya, kejayaan negara ini mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar lebih 8 peratus setahun selama tujuh tahun berturut-turut merupakan satu perkara yang luar biasa.

Beliau berkata, ia merupakan satu pencapaian yang luar biasa kerana Malaysia merupakan sebuah negara membangun

dan bertambah luar biasa lagi kerana mempunyai penduduk yang berbilang kaum.

Katanya, akibat daripada itu, banyak negara telah berminat untuk mempelajari bagaimana Malaysia dapat mengekalkan pencapaian ekonomi yang memberangsangkan itu.

Menurutnya, negara-negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum pula, berminat untuk mempelajari cara negara ini mengekalkan perhubungan kaum yang harmoni walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya.

Kata beliau, kalau di negara-negara lain, keba-

nyakannya berakhir dengan rusuhan dan peperangan yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda, keadaan di Malaysia cukup harmoni.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, Perdana Menteri Lebanon akan melawat negara ini pada

minggu depan dengan tujuan untuk melihat cara Malaysia mengekalkan keamanan kaum dan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, sesuatu kejayaan dan kebole-

an itu boleh dicapai sekiranya dibuat secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

Atas sebab itu, beliau mahu, budaya itu diwarisi dan dijadikan sebahagian daripada amalan masyarakat.